

# Berita JMM



Newsletter of the Department of Museums Malaysia

BERITA JMM JILID 19/BIL.2



MEI - OGOS 2016

ISSN 2231 - 8321



## MENARIK DI DALAM:

- Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016
- Program Perdana Bermalam Di Muzium 2016
- Tinjauan Awal Batu Nisan dan Tanah Perkuburan Lama di Jasin, Melaka.





|                                                                                                   |    |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| • Editorial                                                                                       | 4  |
| • Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016, Alor Setar, Kedah | 5  |
| • Muzium Chimney Sempena Menyambut Hari Muzium Antarabangsa 2016                                  | 7  |
| • Peraduan Kuiz Radio di Labuan FM                                                                | 7  |
| • Program Perdana Bermalam di Muzium 2016                                                         | 9  |
| • Pameran Satu Malaysia, Satu Cerita                                                              | 10 |
| • Pameran Silang Budaya                                                                           | 11 |
| • Pameran Pesona Songket dan Pertandingan Tenunan Asas                                            | 12 |
| • Pameran Makanan Tradisi Masyarakat Labuan                                                       | 13 |
| • Program Kembara Warisan Seni Bina                                                               | 14 |
| • Seminar Etnoarkeologi : Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli                                 | 15 |
| • Album JMM                                                                                       | 16 |
| • Pertandingan & Bengkel Melukis dan Mewarna                                                      | 18 |
| • Ceramah Dapur dan Kesihatan                                                                     | 19 |
| • Seminar Matang dari Perspektif Sejarah “Di Sini Bermula Segalanya...”                           | 19 |

- Pertandingan Hiasan Kepala Paling Kreatif 2016 di Muzium Tekstil Negara 20
- Program Kuala Lumpur *Chinese New Year Cultural Festival* 21
- Pameran Evolusi Matawang di Kedah 22
- Program Sehari Bersama Breman Wong di Muzium Tekstil Negara 22
- Bengkel Bento Bersama Yan 23
- Program Sehari Bersama Breman Wong di Muzium Tekstil Negara 23
- Jom Ke Dapur Bersama Si Cilik 24
- Program Sembang Santai 25
- Promosi Muzium di RTM 26
- Promosi Muzium di Pasar Seni 26
- Tinjaun Awal Batu Nisan Dan Tanah Perkuburan Lama Di Jasin Melaka 27
- Yogyakarta : Kota Seni dan Sejarah 28
- Persembahan Pemuzik Jalanan (Busking) di Muzium Muzik 30
- Program Kenali Dunia Arkeologi di Muzium Chimney 31
- Program Bergerak Muzium Labuan ke Sekolah Menengah St. Anne 31





## Editorial

### Penasihat

Kamarul Baharin bin A. Kasim

### Ketua Editor

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

### Editor

Azmi bin Ismail

Esa bin Haron

Samsol bin Sahar

### Penyelaras

Nor Hasni binti Che Hassan

### Fotografi

Unit Sumber Media

### Edaran

Unit Perpustakaan

### Diterbitkan oleh

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel: (+603)2267 1000 (+603)2282 6255

Faks: (+603)2282 6434

<http://www.jmm.gov.my>

### Dicetak oleh

Sepantas Kurnia (M) Sdn. Bhd.

Berita JMM diterbitkan 3 bulan sekali. Buletin ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.



Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia, Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah

## Lidah Pengarang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana tahun 2016 terus menyerlahkan peranan Jabatan Muzium Malaysia dalam memartabat dan melestarikan khazanah negara agar terus terpelihara melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti permuziuman yang menjurus kepada aspek pemeliharaan dan pemuliharaan artifak berkaitan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara.

Jabatan Muzium Malaysia sentiasa optimistik dalam usaha untuk menjalin hubungan kerjasama yang lebih erat sama ada dengan orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan, agensi swasta dan juga kerajaan. Justeru, bagi merealisasikan hasrat murni ini, JMM berusaha mengenengahkan pelbagai aktiviti jabatan kepada pelbagai pihak khususnya aktiviti yang bersendikan budaya dan warisan agar ia dapat dihayati oleh segenap lapisan masyarakat. Penyebaran ilmu pengetahuan khususnya mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi negara dilakukan secara berterusan agar manfaatnya dapat dikongsi bersama. Hubungan kerjasama yang terjalin antara JMM dengan agensi-agensi ini turut membantu jabatan dalam mempromosikan produk-produk muzium.

Edisi kali ini memaparkan peristiwa dan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Muzium Malaysia serta 22 buah muzium-muzium di bawah pentadbirannya antaranya sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2016 di Alor Setar, Kedah Darul Aman, perasmian Pameran 1 Malaysia Satu Cerita, Pameran Silang Budaya, Pameran Makanan Tradisi Masyarakat Labuan, Pameran Pesona Songket dan Aktiviti Tenunan Asas, Seminar Matang dari Perspektif Sejarah, Program Kembara Seni Bina dan pelbagai program lagi.

Kepada warga JMM sekalian utamakanlah pencapaian anda menerusi semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan, di samping mengekalkan nilai-nilai integriti, kebolehan, kesetiaan, kenegaraan dan kebangsaan yang perlu diterapkan bagi membantu JMM khususnya dan Kementerian amnya mendukung Program Transformasi Kerajaan menjadi sebuah organisasi yang lebih efektif dan efisien.

“Muzium Kita, Tamadun Kita.”

MOHAMAD SHAWALI BIN HJ. BADI

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Muzium Malaysia







## Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016, Alor Setar, Kedah

Oleh : Nor Hasni binti Che Hassan (hasni@jmm.gov.my)

Bertemakan Muzium dan Lanskap Budaya, sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kali yang ke 20 telah disambut dengan jayanya bertempat di Muzium Padi, Kedah Darul Aman. Perayaan tahunan ini telah berjaya menghimpunkan warga penggerak institusi permuziuman di seluruh negara. Perhimpunan terbesar warga muzium ini telah berlangsung pada 16 hingga 23 Mei 2016. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh ini melibatkan program pameran, seminar, bengkel, sukan, riadah, aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan.

Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanifah, Menteri Besar Kedah, Dato' Haji Mohd. Rawi bin Haji Abd. Hamid, EXCO Agama, Hal Ehwal Masyarakat Siam, Pelancongan dan Warisan Kedah merangkap Pengerusi Lembaga Muzium Kedah dan Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, JMM. Selari dengan tema sambutan pada tahun ini, Yang Teramat Mulia Tunku Temenggong Kedah menyarankan agar muzium dilihat sebagai institusi pembinaan minda yang unggul dan mampu membawa agenda kesedaran terhadap budaya, sejarah dan alam semula jadi negara melalui pelbagai aktiviti pameran,



Pada tanggal 16 Mei 2016, Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia, Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tunku Temenggong Kedah di Muzium Padi. Turut hadir dalam majlis perasmian HMA adalah Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Abdul Hamis Thani Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tunku Laksamana Kedah, Dato'







pemuliharaan, pendidikan dan pengembangan. Majlis perasmian ini turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan oleh artis kebudayaan Negeri Kedah dan penganugerahan tokoh sejarah Kedah. Sejurus selesai Majlis Perasmian, para kenamaan telah dibawa ke perkarangan Muzium Padi bagi melawat gerai pameran dan karnival.

Pada majlis sambutan kali ini, sebanyak 31 buah muzium telah mengambil bahagian di dalam pameran ini dengan menampilkan kepelbagaian tema serta keunikan budaya tradisi negeri dan muzium masing-masing. Pameran yang telah berlangsung di perkarangan Muzium Padi telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila dianggarkan seramai 25 ribu pengunjung telah mengunjungi sambutan pada kali ini.



Penganjuran pada tahun ini turut melibatkan beberapa program utama yang lain seperti Majlis Makan Malam Kesejahteraan, Larian Muzium, Kembara Muzium, Majlis Bacaan Yaasin Dan Doa Selamat, Seminar Antarabangsa dan Sukan Hari Muzium Antarabangsa.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016 telah meninggalkan kenangan yang cukup mendalam kepada warga muzium yang terlibat. Dedikasi serta komitmen yang ditonjolkan membuktikan bahawa kesepaduan serta kerjasama yang padu di kalangan warga Muzium telah memastikan penganjuran pada kali ini mencapai matlamat dan objektifnya. ❖





# Muzium Chimney

## Sempena Menyambut HMA 2016

Oleh: Alice Jipius (alice@jmm.gov.my)

Muzium Sana Sini



Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Sedunia pada 18 Mei setiap tahun diraikan dengan penuh meriah oleh muzium-muzium di Malaysia dengan tema pada tahun ini, “Muzium dan Lanskap Budaya”. Bersempena dengan sambutan ini, Muzium Chimney telah mengadakan aktiviti senaman Zumba dan 10,000 langkah. Aktiviti ini telah diadakan pada 22 Mei 2016 bermula pada jam 7.30 pagi bertempat di perkarangan Muzium Chimney.

Aktiviti senaman Zumba dan 10,000 langkah bertujuan untuk memupuk budaya mementingkan kesihatan dalam kalangan masyarakat, di samping dapat menarik minat orang ramai berkunjung ke muzium. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada komuniti setempat, ahli-ahli persatuan kesihatan dan kakitangan muzium sendiri telah mengikuti aktiviti pada hari tersebut. Selain itu, aktiviti dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah kepada para peserta yang hadir. Penganjuran aktiviti seumpama ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan muzium dengan masyarakat serta mempromosikan Muzium Chimney sebagai salah sebuah destinasi pusat pendidikan dan rekreasi hujung minggu bersama keluarga.❖

## Peraduan Kuiz Radio di Labuan FM

### Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa – 18 Mei 2016

Oleh: Noritah binti Jamlin (noritah@jmm.gov.my)

Bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2016, muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan peraduan Kuiz Radio di Labuan FM bermula pada 14 hingga 19 Mei 2016. Peraduan kuiz tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pendengar dan seramai 27 orang pemenang telah dipilih berdasarkan ketepatan jawapan yang diberikan.

Program ini bukan sahaja dapat mempromosikan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan kepada masyarakat, malah secara tidak langsung dapat menarik minat dan menambah pengetahuan para pendengar mengenai sejarah, budaya masyarakat dan hidupan marin yang terdapat di Labuan. Tidak dapat dinafikan bahawa peraduan seumpama ini dapat memberi impak yang positif terhadap peningkatan kedatangan pelawat ke muzium.❖





# Program Perdana Bermalam Di Muzium 2016

Oleh: Nik Zaidi bin Nik Jid

Muzium Malaysia(JMM) secara amnya. Program bermalam ini lebih meriah lagi kerana disertai oleh murid-murid pelbagai sekolah dari sekitar Wilayah Persekutuan dan juga sekolah di negeri-negeri lain. Seterusnya dapat mengeratkan lagi nilai persahabatan dan kenalan baru antara mereka kerana setiap ahli kumpulan adalah dari sekolah yang berlainan.



Program Bermalam di Muzium boleh dikatakan merupakan acara wajib bagi setiap muzium di seluruh negara terutamanya semasa menyambut Hari Kebangsaan pada tanggal 31 Ogos setiap tahun. Tidak terkecuali juga pada tahun ini iaitu pada 30 hingga 31 Ogos 2016 yang lalu telah diadakan Program Perdana Bermalam di Muzium 2016 secara serentak di seluruh negara bagi muzium-muzium dibawah Jabatan







Program Perdana Bermalam di Muzium 2016 ini telah mendapat pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Record* kerana melibatkan peserta program teramai iaitu seramai 1573 orang peserta secara serentak di seluruh negara. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuklah menghasilkan bendera kumpulan, aktiviti kembara malam, ceramah agama, slot selami hati iaitu simulasi/*flash mob-counter terrorism unit* menghadapi suasana cemas, darurat dan ke arah kemerdekaan negara, detik-detik malam merdeka dan keesokan harinya acara senamrobik dan juga Misi DIY iaitu membina sesuatu arca atau mercu tanda kumpulan berasaskan *teamwork*. Peserta program ini secara tidak langsung telah mendapat manfaat dari acara seperti ini seterusnya Muzium dapat menyebarkan ilmu pengetahuan dan memelihara warisan budaya kepada masyarakat. ❖



# Pameran Satu Malaysia, Satu Cerita

Oleh: Rosaidee bin Mohamad ([rosaidee@jmm.gov.my](mailto:rosaidee@jmm.gov.my))

Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan yang ke 59 tahun, Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil inisiatif mengadakan Pameran Satu Malaysia, Satu Cerita. Pameran yang berlangsung mulai 18 Ogos sehingga 30 September 2016 memberi makna besar kepada rakyat Malaysia agar dapat menyelami suka duka pejuang dahulu mencari penyelesaian ke arah kemerdekaan. Ia dipaparkan menerusi segmen 'Bersatu Kita Teguh' yang mengetengahkan perjuangan, pengorbanan, kebijaksanaan mengatur strategi serta penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang.

Segmen kedua 'Malaysia Gemilang' pula memperlihatkan kegemilangan negara. Selepas hampir 60 tahun mencapai kemerdekaan, Malaysia muncul negara pesat membangun dan disegani di rantau Asia. Detik penting yang mencatat sejarah negara, cabaran dan kejayaan disoroti menerusi dekad sejak 1957 sehingga kejayaan ekonomi yang dirangsang menerusi pertanian dalam dekad 70-an, pembuatan pada pertengahan dekad 80-an dan perkhidmatan moden pada dekad 90-an.

Segmen terakhir 'Sehati Sejiwa' menonjolkan kepelbagaian budaya dan agama berbilang kaum yang menjadi sumber kekuatan Malaysia yang sering kita pamerkan kepada masyarakat dunia. Perpaduan nasional akan terus menjadi faktor utama kejayaan negara untuk memacu kemajuan ke tahap lebih tinggi pada masa hadapan. Daripada sukan, makanan, pakaian, sains dan teknologi, festival sehinggalah seni bina - ia berjaya menyatukan semua masyarakat di Malaysia. ♦





# PAMERAN SILANG BUDAYA

Oleh: Azman bin Manaf (azman@jmm.gov.my)

Pameran

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Pameran Silang Budaya bermula 1 sehingga 28 Ogos bertempat di Galeri Pameran Sementara, Muzium Negara. Pameran ini menonjolkan tradisi dan kebudayaan yang jarang sekali diketengahkan.

Antara budaya yang telah menarik perhatian pengunjung adalah tarian dabus yang terkenal di Perak. Tarian dabus berasal dari Kampung Tanjung Bidara, Bagan Datoh dan Pasir Panjang laut adalah sejenis tarian kepahlawanan yang biasanya dimulakan dengan bait jampi. Malah tarian yang dibawa dari tanah Arab itu dipercayai memasuki Perak sejak 300 tahun lalu oleh pedagang Arab dan Aceh.

Pameran Silang Budaya antara usaha gabungan enam muzium iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Yayasan Warisan Johor, Lembaga Muzium Pulau Pinang, Muzium Negeri Kedah, Muzium Negeri Perak dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bagi menengahkan budaya serta tradisi di negara ini. Pameran ini unik kerana setiap muzium saling menengahkan budaya yang berlainan untuk di pameran mengikut muzium yang telah ditetapkan.



Setiap negeri mempunyai subjek tersendiri di setiap lokasi pameran untuk diketengahkan selain menyediakan aktiviti berbeza mengikut kreativiti setiap penganjur.

Antara aktiviti pengisian sepanjang pameran ini berlangsung ialah Jom Petik Gambus, Sofa Gambus dan Persembahan, Bicara Gambus Khas dan Persembahan serta Klinik Gambus dan Persembahan. ♦



# PAMERAN PESONA SONGKET DAN PERTANDINGAN TENUNAN ASAS DI SMK BANDAR TASIK KESUMA, BERANANG, SELANGOR

Oleh : Rosidah binti Abdullah (rosidah@jmm.gov.my)



Bersempena dengan sambutan Hari Guru 2016, Muzium Tekstil Negara telah dijemput khas oleh pihak SMK Bandar Tasik Kesuma untuk mengadakan pameran bertemakan 'Pesona Songket' yang merupakan tema pilihan sekolah bagi sambutan hari guru tahun ini. Selain mengadakan pameran, Muzium Tekstil Negara turut mengadakan aktiviti tenunan asas yang signifikan dengan pameran. Pameran dan aktiviti ini telah diadakan pada 04 Mei 2016 (Rabu) bertempat di Pusat Sumber Sekolah tersebut. Program telah melibatkan seramai 1,928 peserta yang terdiri daripada guru dan para pelajar.

Antara objektif pameran ini adalah untuk memperkenalkan kembali tekstil warisan Melayu terutamanya Songket kepada para pelajar sekolah sekaligus dapat menyemai perasaan cinta terhadap seni warisan peninggalan generasi terdahulu. Muzium Tekstil Negara telah mempamerkan tiga helai sampung pelbagai reka corak, tiga pasang pakaian tradisional termasuklah Pakaian Puteri Perak, Pakaian Cik Siti Wan Kembang dan Pakaian Pahlawan. Turut dipamerkan beberapa contoh benang sutera asli, benang emas dan kokon ulat sutera.

Para pelajar telah dibahagikan kepada 26 kumpulan dengan slot tertentu bagi memudahkan lawatan ke ruang pameran dan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap penerangan berkaitan Songket oleh pegawai dan staf Muzium Tekstil Negara. Para pelajar turut berpeluang untuk menjawab soalan kuiz secara spontan yang diberikan oleh staf muzium. Kuiz tersebut menguji pemahaman dan daya tumpuan pelajar terhadap apa yang didengar dan dilihatnya

semasa sesi penerangan.

Bagi aktiviti tenunan asas, seramai 30 orang peserta terdiri daripada guru dan juga pelajar telah terlibat dan mempelajari kesemua tujuh teknik asas tenunan dengan jayanya. Majlis penutup diserikan dengan penyampaian hadiah kepada tujuh orang pelajar terpilih yang berjaya menyiapkan hasil kerja tenunan yang sangat kemas dan cantik. ❖





# PAMERAN MAKANAN TRADISI MASYARAKAT LABUAN

Oleh : Noritah binti Jamlin (noritah@jmm.gov.my)

Pameran



Pameran Makanan Tradisi Masyarakat Labuan telah dibuka kepada orang awam bermula pada 3 Mei hingga 30 Jun 2016 yang berlangsung di Bilik Labohan, Muzium Labuan. Pameran ini memaparkan kepelbagaian dan keunikan makanan tradisi pelbagai kaum di Labuan yang mempunyai tarikan yang tersendiri. Sebanyak 47 jenis makanan dan kuih-muih tradisi suku kaum Melayu Brunei dan Kedayan serta suku kaum minoriti seperti Kadazandusun, Bajau, India, Cina dan Sikh dipamerkan dalam bentuk teks penerangan dan gambar. Antara makanan tradisi yang dipamerkan termasuklah ambuyat, kelupis, hinava, latok, bambangan, yee sang dan capati manakala kuih muih yang popular di Labuan seperti kuih jelurut, wajik, cincin, jala dan penyaram turut diperkenalkan.

Selain mendedahkan keunikan dan asal-usul makanan tradisi masyarakat Labuan yang mempersonakan, pameran ini mengangkat dan memelihara warisan makanan tradisi yang semakin dilupakan oleh generasi muda. Di samping itu pameran ini dapat mengukuhkan peranan muzium dalam mendokumentasikan ilmu pengetahuan mengenai warisan budaya masyarakat agar tidak ditelan zaman.

Bagi memeriahkan lagi pengisian sepanjang pameran berlangsung, demonstrasi membuat kelupis dan menumpah ambuyat serta pertandingan kuiz turut diadakan. Aktiviti ini disertai oleh para pelajar sekolah di sekitar WP Labuan.



Pameran Makanan Tradisi ini juga dihebahkan oleh radio Labuan FM dan Radio Television Malaysia (RTM) bagi menarik minat pengunjung.

Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada komuniti setempat, pelajar, pelancong dari dalam dan luar negara serta mencapai objektifnya dalam memartabatkan warisan makanan tradisi masyarakat agar terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang. ❖





# Program Kembara Warisan Seni Bina

Oleh: Azahar bin Mat Daud (azahar@jmm.gov.my)



Pada 25 Mei 2016, Muzium Seni Bina Malaysia telah melaksanakan Program Kembara Warisan Seni Bina dengan kerjasama Kolej Komuniti Jasin, Melaka. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kepelbagaian seni bina bangunan, monumen bersejarah yang memiliki nilai dan kualiti yang tinggi. Selain itu program turut mendedahkan pengetahuan tentang kepelbagaian falsafah seni bina, aspek-aspek teknikal serta nilai-nilai sejarah seni bina.

Seramai 30 orang peserta mengikuti program ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar kursus seni bina Kolej Komuniti Jasin, Melaka.

Antara pengisian aktiviti ini ialah sesi lawatan bangunan-bangunan warisan seperti Masjid Tengker, Bangunan Stadhuys dan Replika Istana Kesultanan Melaka. Peserta turut berpeluang mengikuti sesi pengkongsian ilmu bersama Tuan Haji Isnordin bin Malan, Bekas Ketua Muzium Seni Bina Malaysia. Program ini diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil serta cenderahati kepada peserta, penceramah dan wakil Kolej Komuniti Jasin, Melaka.

Menyedari warisan seni bina negara yang setanding dengan negara luar, program ini diharapkan dapat menyuntik kesedaran dalam kalangan peserta supaya memelihara dan memulihara warisan seni bina negara. ♦





# SEMINAR ETNOARKEOLOGI : Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli Anjuran Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM dan Jabatan Muzium Malaysia.

Oleh: Hamid bin Mohd Isa (hamid@usm.my)

Muzium Sana Sini



Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengorak langkah dengan melebarkan peranannya, melestarikan warisan budaya melalui kolaborasi dengan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia melalui penganjuran Seminar Etnoarkeologi Kebangsaan yang bertemakan Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli. Seminar selama dua hari dari 2 Ogos hingga 3 Ogos 2016 ini melibatkan 23 orang pembentang kertas kerja dari pelbagai universiti dan muzium dari dalam negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Kertas kerja ini bertemakan etnoarkeologi, etnografi, budaya material, Orang Asli dan pribumi. Kertas kerja ini telah diterbitkan secara bersama oleh pihak USM dan Jabatan Muzium Malaysia dalam buku prosiding. Seminar ini berjaya menarik seramai kira-kira 80 peserta yang terdiri dari ahli akademik, pelajar dan pengamal budaya. Majlis perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM Profesor Dato Dr. Muhammad Jantan mewakili Naib Canselor Profesor Dato Dr. Omar Osman. Turut hadir dan memberi ucapan ialah Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Encik Kamarul Baharin A. Kasim dan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM Profesor Dato Dr. Mokhtar Saidin. Majlis perasmian diserikan dengan persembahan tarian Sewang oleh masyarakat Orang Asli suku Lanoh dari Kampung Air Bah, Mukim Kenering, Gerik Perak. Profesor Emeritus Dato Dr. Hood Salleh, dari Razak School of Government Putrajaya telah menyampaikan uaputama yang bertajuk Enam Persoalan Dalam Penjenamaan Etnoarkeologi.

Seminar ini ternyata telah memberi impak positif terutama jalinan kolaborasi antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia. Selain itu, ia juga telah memberi peluang kepada para akademik dan penyelidik untuk berkongsi maklumat dan bertukar pandangan selain berperanan sebagai pemangkin untuk melestarikan warisan budaya. Dalam ucapannya Timbalan Naib Canselor USM mengucapkan setinggi penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana sudi menjadi penganjur bersama seminar ini dan berharap kerjasama ini dapat diteruskan pada masa masa



akan datang. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pula dalam ucapan antaranya menjelaskan bahawa pihak Jabatan Muzium Malaysia amat berbesar hati diberi peluang untuk berganding bahu bersama pihak universiti dan akademik untuk menyemarakkan perkongsian ilmu dan melestarikan warisan budaya. Semoga jalinan kerjasama ini dapat dieratkan lagi pada masa hadapan. ❖



Pameran Timbang & Sukat  
Galeri A - Pameran Sementara  
Muzium Perak  
30 Januari – 31 Jun 2016



Lawatan Rasmi Ketua Pengarah JMM  
YBrs Tuan Kamarul Baharin bin A. Kasim  
ke Muzium Perak ,17 April 2016



Lawatan SMK Nasiruddin Shah,  
Besut, Terengganu ke  
Muzium Perak 12 Mei 2016







Program NBOS 1Malaysia Green 1Malaysia Clean Eko Pelancongan di Kuala Sepetang Anjuran MOTAC pada 6 Mei 2016



Treasure Hunt Beacon House 12 Mei 2016



Program Orientasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam di Semenanjung Malaysia di Muzium Lukut, 20 Mei 2016.



Pemindahan Meriam dari Agensi Nuklear Malaysia ke Muzium Kota Lukut Negeri Sembilan





## Pertandingan & Bengkel Melukis dan Mewarna

Oleh: Badrol Hisham bin Abd. Rahman (badrolhisham@jmm.gov.my)

Pada 28 Mei 2016, Muzium Negara menganjurkan Program Pertandingan & Bengkel Melukis dan Mewarna sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2016. Program ini mendapat kerjasama daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat sebagai rakan penaja. Antara objektif program ini termasuklah untuk membina jalinan secara langsung antara muzium dan generasi muda agar mereka memahami peranan dan kepentingan muzium seawal peringkat sekolah rendah. Ia juga bertujuan menarik minat golongan kanak-kanak dan ibu bapa untuk berkunjung ke Muzium Negara.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 195 peserta dari lingkungan usia 6 hingga 12 tahun yang datang dari seluruh negara. Acara lebih meriah lagi dengan kehadiran ibu bapa dan ahli keluarga lain yang datang memberikan sokongan moral kepada peserta. Acara dimulakan dengan sesi bengkel bersama Encik Hasren Ismail atau lebih dikenali sebagai Uneh Raja Pensil Warna sebelum pertandingan berlangsung. Hasil tangan peserta seterusnya dinilai oleh barisan juri dari Balai Seni Visual Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Muzium Negara (MN) dan diketuai sendiri oleh Uneh.

Kemuncak program dimeriahkan dengan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang. Hadiah berupa wang tunai, cenderamata dan sijil penyertaan disampaikan oleh Encik Mohd. Azmi bin Mohd Yusof selaku Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM dengan diiringi Pengurus Deposit BSN Wilayah Persekutuan iaitu Encik Saifuddin Zuhri dan Encik Azmi Ismail, Pengarah MN.

Pemenang bagi kategori A (6-9 tahun), tempat pertama dimenangi oleh Foong Yann Thong dari SJK(C) Serdang Baru 1, Selangor diikuti tempat kedua oleh Cindy Teh Xin Yi dari SJK(C) St Leonards dan tempat ketiga, Nur Amirah Nabila binti Mohd Nasrol dari SK Bandar Bukit Mahkota. Manakala bagi kategori B (10-12 tahun) pula dimenangi oleh Muhammad Haikal Ashraf bin Kamal dari Sekolah Rendah Agama Al-Ummah Manjung, Perak bagi tempat pertama, diikuti Amber Lim Pei-Thung dari SJK(C) Sin Hua, Negeri Sembilan di tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Chwa Jia Yi dari SJK(C) Perempuan Klang. Hadiah bagi kedua-dua kategori berupa wang tunai bernilai RM900 (tempat pertama), RM700 (tempat kedua) dan RM400 (tempat ketiga). Manakala 5 hadiah sagu hati berupa wang tunai bernilai RM100 diberikan kepada 5 orang peserta yang terpilih pada saringan akhir bagi kedua-dua kategori. ❖





# CERAMAH DAPUR DAN KESIHATAN

Oleh: Fadhliatun binti Azmi (fadhliatun@jmm.gov.my)



Bersempena Pameran 'Dari Dapur ke Meja' yang berlangsung dari 5 Februari hingga 8 Mei 2016 di Dewan Tengah Muzium Negara, satu ceramah yang bertajuk "Dapur dan Kesihatan" telah diadakan di Ruang Penerokaan Muzium Negara. Ceramah diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) tentang pemakanan sihat dan kehidupan aktif sebagai asas kesihatan dan kesejahteraan keluarga. Ia juga bertujuan untuk menyemai tabiat pemakanan yang sihat serta menggalakkan aktiviti fizikal dalam kalangan kakitangan JMM.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Cik Aishah Zafirah Abdul Azim, Pegawai Dietetik di Universiti Putra Malaysia. Antara topik yang dibincangkan termasuklah berat badan yang sihat sepanjang hayat, prinsip pemakanan secara sihat, fungsi label makanan serta aktiviti-aktiviti fizikal yang diperlukan untuk membakar kalori dalam badan.

Ceramah yang disertai oleh 60 orang kakitangan JMM ini juga diselitkan dengan sesi soal jawab dan khidmat nasihat kesihatan. Selain itu, ujian saringan kesihatan seperti ujian tekanan darah, timbangan berat badan, ketinggian dan kandungan lemak individu turut dijalankan. ❖

Muzium Sana Sini

## Seminar Matang dari Perspektif Sejarah "Di Sini Bermula Segalanya..."

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan (zairulhida@jmm.gov.my)

Pada 10 Mei 2016, Muzium Matang telah menganjurkan Seminar Matang dari Perspektif Sejarah bertempat di Pusat Latihan Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Matang. Antara penceramah yang dijemput bagi membentangkan kertas kerja ialah Dr. Hamid bin Mohd Isa dari Pusat Penyelidikan Arkeologi USM, yang mengupas tajuk "Perjuangan Ngah Ibrahim : Satu Catatan Sejarah". Manakala Dr. Yunus Sauman bin Sabin dari Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim pula membentangkan kertas kerja bertajuk "Ekskavasi Arkeologi di Kota Ngah Ibrahim". Tidak ketinggalan tokoh sejarawan Perak yang merupakan mantan Karyawan Tamu Universiti Malaya, iaitu Encik Mohd. Zamberi bin A. Malek turut membentangkan kertas kerja bertajuk "Matang; Bermulanya Sejarah Taiping". Program ini dihadiri oleh pelajar sekolah, kakitangan muzium dan kerajaan negeri serta NGO tempatan.

Umumnya seminar ini bertujuan mendedahkan ilmu pengetahuan mengenai sejarah Matang khususnya Kota Ngah Ibrahim agar terus diingati dan dihargai sepanjang zaman, meningkatkan kesedaran kepada pelajar-pelajar dan masyarakat terhadap pentingnya sejarah untuk dijadikan rujukan pada masa hadapan serta mewujudkan interaksi dua hala antara muzium, institusi pendidikan dan masyarakat.

Program ini diharapkan dapat memberikan lebih pemahaman dan manfaat kepada para peserta terutamanya mengenai fungsi dan peranan institusi permuziuman terhadap pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah dan budaya Malaysia. ❖





# Pertandingan Hiasan Kepala Paling Kreatif 2016 di Muzium Tekstil Negara

Oleh: Rosidah binti Abdullah (rosidah@jmm.gov.my)



Pertandingan Hiasan Kepala Paling Kreatif merupakan sebuah program yang dirancang bersempena dengan Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan dan Kuasa yang telah mula dibuka kepada orang ramai pada 26 April 2016 sehingga 25 Februari 2017. Sejajar itu, pertandingan ini telah berlangsung pada 18 Mei 2016 bertempat di Ruang Lobi Berkaca, Muzium Tekstil Negara.

Seramai 39 orang pelajar dan empat orang pensyarah dari Universiti Teknologi Mara telah hadir bagi memeriahkan lagi pertandingan ini. Walau bagaimanapun hanya 14 orang peserta yang merupakan pelajar tahun kedua Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah terpilih untuk menyertai pertandingan ini.

Para peserta dikehendaki membawa bahan dan peralatan sendiri seperti bahan kitar semula serta material bersesuaian untuk menyiapkan hasil rekaan mereka. Mereka juga diberi kebebasan untuk memilih tema masing-masing sama ada berunsurkan tradisional, kontemporari atau futuristik.

Masing-masing telah menunjukkan minat dan kesungguhan untuk menghasilkan sesuatu rekaan yang boleh memenangi hati juri. Setiap hasil rekaan dinilai berdasarkan kekemasan, kreativiti dan fungsi produk itu sendiri. 'Melotes' hasil rekaan Mohd. Hakim bin Ismail yang bertemakan futuristik telah berjaya mendapat tempat pertama. Seterusnya tempat kedua dimenangi oleh Maisarah binti Che Mansor dengan hasil rekaannya 'The Beauty Art of Decay', manakala hasil rekaan bertemakan budaya Afrika oleh Lily Syahirah binti Rosdi Fahlid telah memenangi tempat ketiga. Para pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai dan juga hamper. ❖







## PROGRAM KUALA LUMPUR CHINESE NEW YEAR CULTURAL FESTIVAL

Oleh: Rosidah binti Abdullah (rosidah@jmm.gov.my)

Program Kuala Lumpur Chinese New Year Cultural Festival ini merupakan sebuah program anjuran Kuala Lumpur Tourism Bureau bersempena dengan sambutan Perayaan Tahun Baru Cina. Program ini telah berlangsung pada 22 Februari 2016 bertempat di Piazza Kuala Lumpur City Gallery, Dataran Merdeka dan telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, iaitu Datuk Seri Mohd Amin Nordin bin Hj Abd Aziz.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan adat, budaya dan kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia ketika sambutan Tahun Baru Cina kepada pelancong luar negara. Sejarar itu, Muzium Tekstil Negara telah dijemput untuk mengadakan pameran bertemakan Monyet Api yang merupakan zodiak bagi tahun 2016. Bagi memeriahkan lagi program ini Muzium Tekstil Negara mengadakan demonstrasi mencanting dan mewarna batik secara terbuka untuk memberi peluang kepada para pelancong untuk turut mencuba.



Program ini telah berjaya menarik minat seramai 750 orang pengunjung dari dalam dan luar negara. Pelbagai jenis juadah makanan sempena Tahun Baru Cina juga disediakan di samping aktiviti-aktiviti yang menarik bagi tatapan bersama. ❖





# Pameran Evolusi Matawang di Kedah

Oleh: Azhar bin Mohamed Noor (azhar@jmm.gov.my)

Kota Kuala Kedah terkenal sebagai pusat perdagangan utama sejak kurun ke-15 Masihi dan menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari Eropah, Arab, India dan seluruh Nusantara yang datang berdagang di Kedah. Pelbagai sistem tukaran digunakan dalam urusan perdagangan bermula dengan sistem barter hingga kepada penggunaan pelbagai bentuk matawang. Menyedari kepentingan sejarah tersebut dalam kelangsungan dan pemeliharaan objek warisan ketara, Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan Pameran Evolusi Matawang di Kedah mulai 10 April hingga 10 Mei 2016. Pameran bertujuan memberikan pendedahan kepada generasi sekarang

tentang perkembangan penggunaan matawang di Kedah contohnya dari segi penggunaan siput gerus, manik dan logam-logam sebagai bahan pertukaran hingga pembentukan matawang moden. Sebanyak 72 koleksi terpilih telah dipamerkan selama sebulan di ruang pameran Muzium Kota Kuala Kedah. Antara koleksi tersebut termasuklah Nuqod Kedah, Kupang Emas Sultan Muhammad Jiwa 1, Duit Singora, Pitis Timah Kedah dan lain-lain. Turut dipamerkan ialah perbezaan matawang palsu dan tulen yang pernah digunakan di negara kita seperti wang kertas, wang syiling dan token.

Bersempena pameran itu juga telah diadakan Seminar Evolusi Matawang di Kedah pada 14 April 2016. Dua orang pembentang iaitu YBrs. Dr. Ibrahim bin Bakar, Presiden Warisan Numismatik Kesultanan Melayu Malaysia (MASDINAR) dan Encik Ahmad Nasruddin bin Ismail, Ketua Unit Warisan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dijemput bagi membentangkan kertas kerja. Seminar ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) dan disertai oleh pelajar sekolah menengah sekitar Kuala Kedah dan agensi luar. Seminar ini juga turut mendapat liputan akhbar Harian Metro dan Sinar Harian.

Sememangnya program sebegini diharap dapat mendidik dan memberi maklumat kepada masyarakat tentang penggunaan matawang di dalam urusan harian. ❖





# Bengkel Bento Bersama Yan

Oleh: Fadhliatun binti Azmi (fadhliatun@jmm.gov.my)

Muzium Sana Sini



'Bento' atau istilah bahasa Melayunya 'seni makanan bekal' menjadi semakin popular dalam masyarakat hari ini. Sehubungan itu, Muzium Negara mengambil kesempatan ini dengan mengadakan Bengkel Bento yang dibuka penyertaannya kepada orang ramai bersempena Pameran 'Dari Dapur ke Meja'. Walau bagaimanapun, sasaran peserta adalah tertumpu kepada golongan wanita atau ibu. Ia bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang amalan penyediaan bekal makanan kepada anak-anak ke sekolah dan manfaat penyediaan makanan yang berkhasiat sekaligus dapat membantu menjimatkan perbelanjaan. Bengkel ini telah diadakan pada 16 April 2016 di Ruang Penerokaan, Muzium Negara.

Tenaga pengajar bagi bengkel ini ialah Puan Siti Mardiana Embok Untak atau lebih dikenali sebagai Yan Diana. Para peserta berpeluang melihat demonstrasi dan berkongsi ilmu serta pengalaman dengan Puan Yan Diana dalam seni penyediaan Bento. Para peserta diberi pendedahan tentang seni tata hiasan bekal makanan yang menarik daripada sumber makanan yang semula jadi, berkhasiat dan seimbang serta cara penyediaan yang praktikal. Bengkel ini dihadiri seramai 37 orang peserta pelbagai kaum yang datang dari sekitar Kuala Lumpur termasuk dari luar kawasan Lembah Klang. ❖

## Program Sehari Bersama Breman Wong di Muzium Tekstil Negara

Oleh: Rosidah binti Abdullah (rosidah@jmm.gov.my)

Bersempena dengan Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan dan Kuasa yang telah mula dibuka pada orang ramai pada 26 April 2016 sehingga 25 Februari 2017, Program Sehari bersama Breman Wong telah berlangsung pada 06 Mei 2016 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara.

Breman Wong yang merupakan seorang pereka hiasan kepala tempatan terkenal telah dijemput khas untuk bekerjasama dalam menjayakan segmen *Couture* dalam pameran ini. Para pengunjung pada hari tersebut juga berpeluang mendengar sendiri cerita dan pengalaman beliau selama penglibatan dalam arena penghasilan hiasan kepala. Beliau juga seorang yang sangat peramah turut tidak lokek untuk berkongsi pengalaman dalam menghasilkan sebahagian koleksi peribadi hiasan kepala yang telah dipamerkan. ❖







# Jom Ke Dapur Bersama Si Cilik

Oleh: Badrol Hisham bin Abd. Rahman  
(badrolhisham@jmm.gov.my)

Bertempat di Ruang Penerokaan Muzium Negara telah berlangsung satu aktiviti yang sangat istimewa untuk adik-adik yang berminat dalam bakeri, iaitu 'Jom Ke Dapur Bersama Si Cilik'. Aktiviti ini dijalankan bersempena cuti sekolah bulan Mac. Menariknya dalam bengkel ini, para peserta berpeluang mempelajari dan membuat sendiri dua menu istimewa yang popular iaitu kek cawan dan pop kek.

Aktiviti ini ternyata menyerlahkan lagi daya kreativiti peserta menerusi dekorasi kek cawan yang dilakukan dengan bantuan tenaga pengajar. Keterujaan peserta dapat dilihat semasa mereka menghias krim pada kek cawan masing-

masing. Pelbagai telatah peserta yang menghiburkan dapat disaksikan dalam suasana riuh-rendah yang memenuhi segenap ruang aktiviti. Semestinya aktiviti interaktif seperti ini amat digemari ibu bapa kerana dapat menceriaikan anak-anak mereka selain menghilangkan seketika kelekatan terhadap dunia gajet yang sememangnya sukar dipisahkan dengan generasi muda masa kini.

Aktiviti yang mendapat sambutan hangat ini telah disertai oleh hampir 60 orang peserta pelbagai kaum yang terdiri daripada kanak-kanak yang berumur antara 5 hingga 12 tahun. Tenaga pengajar bagi aktiviti ini ialah Puan Yohana Sabri, iaitu seorang pengusaha perniagaan kek 'Littlecupcakes'. ♦





# Program Sembang Santai

Oleh: Fadhliatun binti Azmi (fadhliatun@jmm.gov.my)

Muzium Sana Sini



Muzium Negara telah menganjurkan Program Sembang Santai di dalam dua slot iaitu “Sejarah & Kita” pada 2 April 2016 dan “Muzium dan Kerjaya” pada 7 Mei 2016. Program ini diadakan sebagai medan wacana ilmiah bersama pelajar sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi. Tujuan utama adalah untuk memberi pendedahan mengenai dunia permuziuman termasuklah fungsi dan peranan institusi muzium dalam pendidikan serta kerjaya di muzium.

Program ini menggunakan kaedah pendidikan muzium menerusi pendekatan mesra secara mudah dan santai. Pemahaman pelajar difokuskan secara langsung dengan memberikan mereka ruang untuk berdiskusi, melontarkan pandangan, idea, kritikan, olahan dan interpretasi dalam membentuk pemikiran kritis.

Bagi slot “Sejarah & Kita”, ceramah disampaikan oleh Puan Miti Fateema Sherzella Mohd Yusoff, Kurator Kanan Unit Dasar dan Perancangan Strategik JMM. Isu yang dibincangkan dalam slot ini adalah tentang peranan atau kepentingan pengetahuan sejarah dan perkaitannya dengan peradaban hari ini. Slot ini diadakan bagi menyedarkan generasi muda tentang manfaat dan kepentingan sejarah khususnya dalam menentukan hala tuju pada masa hadapan. Pengetahuan sejarah yang tinggi dalam kalangan generasi muda akan menjadikan mereka sebagai warga negara yang

tahu menghargai erti kemerdekaan sekaligus mempunyai kesedaran untuk mempertahankannya demi kelangsungan perpaduan dan keutuhan negara. Slot ini disertai oleh 39 orang pelajar dan 20 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.

Sementara itu, slot kedua pula telah dikendalikan oleh Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan JMM yang membincangkan tajuk Muzium dan Kerjaya. Slot ini disertai oleh 40 orang pelajar dan tenaga pengajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Antara isu yang menjadi perhatian termasuklah senario kerjaya permuziuman, pecahan teras utama dalam institusi permuziuman (pentadbiran, penyelidikan, konservasi, pendidikan dan lain-lain) serta bidang-bidang pengajian yang berkaitan untuk memulakan kerjaya di muzium.❖





## Promosi Muzium-Muzium di RTM

Oleh: Tharanjit Kaur

Bahagian Komunikasi Korporat JMM telah mengadakan mesyuarat bersama RTM yang bertujuan mempromosikan muzium-muzium secara keseluruhan selain mengadakan kerjasama dengan JMM dalam mempromosikan program Bermalam di Muzium dan Pameran Tenunan.

Sehubungan itu, pada 14 Jun 2016, Bahagian Komunikasi Korporat telah menjalankan aktiviti mempromosikan muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia, RTM. Tetamunya ialah Sitti Rabia binti Abd Rahman, Pengarah Muzium Diraja.

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk mempromosikan semua muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia kepada para pelancong dalam dan luar negara serta program dan pameran di Muzium. Tambahan pula, aktiviti ini juga dapat memberikan informasi mengenai aktiviti-aktiviti yang akan diadakan di muzium-muzium di bawah JMM sepanjang tahun 2016.

Secara keseluruhan, aktiviti ini telah memberikan impak yang besar dalam usaha menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, ia juga memberikan manfaat dalam membina hubungan kerjasama dengan agensi penyiaran nasional, iaitu RTM. ❖



## Promosi Muzium-Muzium di Pasar Seni

Oleh: Tharanjit Kaur

Pada 8 Jun 2016, Bahagian Komunikasi Korporat telah mengedarkan risalah muzium di Kolej Methodist Kuala Lumpur dan Pasar Seni. Edaran ini dilakukan oleh tiga wakil pelajar praktikal iaitu Cik Siti Nurul Asyikin, Cik Nurhafizah dan Cik Tharanjit Kaur dari Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi tujuan latihan dari segi komunikasi dan kerja-kerja promosi. Antara risalah yang diedarkan termasuklah brosur lawatan berpandu oleh sukarelawan muzium di Muzium Negara dan kalendar aktiviti JMM 2016, selain brosur muzium-muzium di bawah JMM seperti Muzium Automobil Nasional, Muzium Matang, Muzium Senikraf Orang Asli, dan Muzium Entonologi Dunia Melayu. ❖





# Tinjauan Awal Batu Nisan dan Tanah Perkuburan Lama di Jasin, Melaka


Oleh: Mokhtar bin Tamby Ahmad (mokhtar@jmm.gov.my)

Berdasarkan maklumat yang diterima pengkaji tempatan mengenai tapak perkuburan lama, sekumpulan penyelidik dari Jabatan Muzium Malaysia bersama Prof Dr Daniel Perret dari EFEO, Universiti Putra Malaysia, Institut Seni Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pelancongan Warisan Malaysia telah menjalankan penyelidikan di Jasin Melaka pada 6 hingga 8 Ogos yang lalu. Antara objektif utama penyelidikan ini termasuklah merungkai sejarah silam di sebalik makam lama ini, di samping mendapatkan gambaran, reka bentuk dan maklumat yang berkaitan. Penyelidikan ini turut bertujuan mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya dengan para akademik.


Kerja-kerja pengukuran telah dilaksanakan pada sebahagian tapak perkuburan sahaja memandangkan tapak ini dipenuhi pokok dan semak serta permukaan tanah yang tidak rata. Semakan awal ke atas status tanah ini di Pejabat Tanah Daerah Jasin, mendapati kubur ini berada di Lot 177, Mukim Chohong yang merupakan tanah milik kerajaan. Tapak-tapak kubur lama ini jelas menunjukkan penempatan awal masyarakat telah wujud di kawasan ini. Kehalusan dan kemahiran kerja tangan mereka pula dapat disaksikan berdasarkan kemahiran memotong batu laterit dan kepelbagaian bentuk batu nisan yang telah ditemui.

Beberapa kawasan kubur yang menggunakan nisan laterit telah diperiksa di sekitar kawasan Mukim Chohong dan Chincin di Daerah Jasin. Hasilnya mendapati terdapat tiga buah nisan yang berbentuk seperti buah belimbing. Namun setelah diamati ia mungkin berbentuk seperti bunga lawang berdasarkan kepada jumlah bilangan jalur batu nisan tersebut antara tujuh dan lapan buah jalur. Bunga Lawang sememangnya terkenal sejak dahulu lagi sebagai rempah ratus dalam kalangan masyarakat Melayu yang digunakan sebagai bahan masakan dan juga dalam bidang perubatan.

Pelbagai faedah diperoleh Jabatan melalui program penyelidikan ini terutamanya dalam mewujudkan jaringan kerjasama serta mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada dengan agensi-agensinya yang terlibat. Selain itu, ia juga dapat melestarikan peranan muzium sebagai pusat perkongsian ilmu dan kepakaran dalam pelbagai bidang. Penyelidikan lanjutan bagi mengenal pasti asal usul, sejarah dan maklumat sebenar berkaitan tapak ini harus dilaksanakan supaya pengetahuan ini dapat disebarkan kepada semua pihak. ❖




Tinggi = 36 cm.  
Lebar = 21 cm.  
Tebal = 10 cm.



Tinggi = 43 cm.  
Lilitan = 75 cm.

PANDANGAN SISI



Lilitan Dasar 80 cm.  
Bentuk belimbing = 8 bintang.

PANDANGAN ATAS





# Yogyakarta : Kota Seni dan Sejarah

Oleh : Mokhtar bin Tamby Ahmad (mokhtar@jmm.gov.my)



Yogyakarta, Indonesia merupakan sebuah kota budaya yang bukan hanya mengekalkan elemen-elemen tradisi tetapi juga banyak menggabungkan elemen tempatan dan kontemporari. Pada 14 Jun 2016, penulis telah terpilih untuk membentangkan kertas kerja bagi Program Jalinan Mesra Dua Hala antara pelajar Malaysia (UiTM) dan Indonesia (ISI) di Institut Seni Indonesia (ISI) yang terletak di Sewon, 6 km dari selatan Yogyakarta. Antara subjek yang diketengahkan merangkumi topik kebudayaan dan isu-isu kontemporari dalam konteks komunikasi visual dan media baharu. Penulis membentangkan tajuk "*Muzium Negara as a Medium of Education on History to the Public Through Awareness Campaigns*" dan mempersembahkan hasil kerja untuk berkongsi idea. Para pelajar dari kedua-dua pusat pengajian tinggi mengambil peluang ini untuk mengajukan soalan dan memberikan pandangan terhadap hasil kerja yang dipersembahkan. Selepas pembentangan kertas kerja, program

diteruskan dengan lawatan ke Galeri Institut Seni Indonesia di mana hasil seni pelajar dipamerkan di dalam galeri ini.

Selain pembentangan kertas kerja, pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti program lawatan ke tempat-tempat bersejarah di Yogyakarta seperti Keraton Nyayogyakarta Hadiningrat yang merupakan pusat kebudayaan masyarakat Jawa. Menariknya, pusat ini dahulunya merupakan istana tempat Raja dan keluarga bersemayam. Keraton Nyayogyakarta Hadiningrat dibina oleh Pangeran Mangkubumi sekitar 1755, beberapa bulan selepas menandatangani Perjanjian Giyanti. Walaupun selepas beberapa ratus tahun dibina dan mengalami kerosakan akibat gempa bumi pada tahun 1867, bangunan ini masih utuh dan dijaga rapi. Di sini peserta didedahkan tentang kelangsungan budaya Jawa yang masih kekal dan diamalkan.

Sekitar 15 minit dari Keraton Nyayogyakarta Hadiningrat, terdapat Istana Air Taman Sari yang dahulunya merupakan







taman rekreasi bagi keluarga diraja. Taman ini juga dibangunkan sebagai benteng pertahanan yang dibina pada tahun 1758-1765 oleh Sultan Hamengku Buwono I. Terdiri daripada empat bahagian utama, iaitu tasik buatan, kompleks mandian, kompleks pavilion dan kolam di selatan, dan tasik kecil di barat, seluruh kawasan ini telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia sejak tahun 1995. Kini, Istana Air Taman Sari ini merupakan sebuah pusat budaya di bandar Yogyakarta dan pusat pelancongan yang popular. Di sini, penulis berkesempatan meneliti keindahan seni bina kuno yang disulami motif ukiran Jawa. Seni bina ini memberikan gambaran kekukuhan adat istiadat dan budaya masyarakat yang dikekalkan sejak ratusan tahun dahulu hingga sekarang.



Lawatan diteruskan ke Desa Wisata Kerajinan Wayang Kulit yang masih aktif menghasilkan wayang kulit sebagai produk tempatan. Persembahan wayang kulit masih kekal

dan boleh ditonton oleh orang ramai pada waktu malam. Perusahaan ini bermula pada tahun 1929 yang dipelopori oleh Bapak Atmo Sukarto. Selain membuat wayang kulit, beliau juga terkenal sebagai dalang, penari wayang wong dan pengrawit. Lokasi seterusnya ialah tapak arkeologi yang dikenali oleh masyarakat Jawa moden sebagai Kraton Ratu Boko ataupun Istana Ratu Boko. Ia terletak kira-kira 3 kilometer dari selatan kompleks candi Lara Jonggrang Prambanan. Keseluruhan tapak arkeologi ini meliputi 16



hektar, berada di 196m dari paras laut dan berlatarkan candi Prambanan dan Gunung Merapi. Kompleks ini terdiri dari pada gopura, paseban, kolam, pendopo, pringitan, kaputren dan gua meditasi.

Lawatan terakhir ialah ke Muzium Mini Sisa Hartaku - Wisata untuk Mengenang Sisa Erupsi Merapi yang terletak di daerah Petung, Yogyakarta. Menurut penduduk tempatan, muzium mini ini dahulunya rumah Bapak Riyanto yang kemudiannya binasa akibat letusan Gunung Merapi pada tahun 2010. Muzium ini mempamerkan barang-barang tinggalan selepas bencana seperti kerangka motor, jam dinding yang tercatat angka 12.04.42, perabot rumah dan pelbagai barang yang rosak akibat letusan Gunung Merapi.

Lawatan sambil belajar ke Yogyakarta, Indonesia ialah satu peluang terbaik bagi meningkatkan pengalaman dan pengetahuan tentang budaya dan komunikasi serantau. Perkongsian idea dalam sesi pembentangan kertas kerja juga menggalakkan cetusan daya kreativiti peserta khususnya dalam penggunaan bahan dan teknik komunikasi visual tradisi tempatan. Disamping itu program ini mewujudkan jaringan budaya antara mahasiswa dengan komuniti industri grafik dan multimedia di Indonesia, khususnya di Kota Yogyakarta. ♦





# Persembahan Pemuzik Jalanan (*Busking*) di Muzium Muzik

Oleh : Rohana binti Husin (rohana@jmm.gov.my)



Program persembahan muzik jalanan (*busking*) secara solo dan berkumpulan serta persembahan muzik gamelan Melayu telah diadakan di Muzium Muzik pada setiap hujung minggu bermula dari bulan Januari sehingga Mei 2016. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan Muzium Muzik kepada pengunjung di samping menghiburkan pelawat yang berkunjung di muzium. Persembahan diadakan dua kali sehari pada setiap hari Sabtu dan Ahad, sesi pagi bermula jam 11 pagi hingga 12 tengahari dan sesi petang pada jam 3 petang hingga 4 petang.

Kumpulan *busking* ini menyanyikan lagu-lagu tempatan dan luar negara dengan iringan alat-alat muzik seperti gitar, violin, gendang, seruling dan sebagainya. Persembahan ini juga melibatkan pelajar-pelajar dari Akademi Seni Warisan dan Budaya (ASWARA) serta kumpulan-kumpulan *buskers* di sekitar Lembah Klang. ❖





## Program Kenali Dunia Arkeologi di Muzium Chimney

Oleh: Alice Jipius (alice@jmm.gov.my)

Arkeologi merupakan salah satu cabang kerja bidang permuziuman. Kaedah arkeologi sangat penting bagi mendapatkan maklumat dan bukti tentang sesuatu tinggalan sejarah. Ekskavasi arkeologi merupakan satu proses cari gali menggunakan kaedah yang sistematik dan saintifik untuk mendapatkan tinggalan artifak, tinggalan fizikal, tempat kediaman dan perkuburan yang tertanam di bawah tanah, laut, runtutan dan seumpamanya sebagai bahan bukti sejarah dan kebudayaan manusia. Oleh yang demikian, Muzium Chimney telah mengambil inisiatif menjalankan satu program khusus, iaitu Kenali Dunia Arkeologi bagi memperkenalkan asas-asas bidang arkeologi kepada para pelajar.

Program ini telah dijalankan pada 14 Mei 2016 di Muzium Chimney dan seramai 40 orang pelajar diiringi 4 orang guru dari Sekolah Rendah Lubok Temiang dan Sekolah Rendah



Tanjung Aru telah mengikuti program ini. Program bermula dengan sesi ceramah mengenai teori asas arkeologi kepada para peserta dan diikuti dengan aktiviti praktikal, iaitu sesi cari gali artifak yang terdapat pada petak-petak cari gali yang disediakan. Seterusnya, para peserta diminta untuk membentangkan hasil cari gali secara berkumpulan kepada semua peserta.

Secara keseluruhannya, para peserta sangat seronok menyertai program ini kerana kaedah pembelajaran secara *hands on* membolehkan para peserta mencuba sendiri kerja-kerja cari gali arkeologi dijalankan. Selain dapat memperkenalkan bidang tugas permuziuman, program ini memberikan pendedahan mengenai asas-asas arkeologi kepada para pelajar sejajar dengan peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal. ❖



## Pameran Bergerak Muzium Labuan ke Sekolah Menengah St. Anne Wilayah Persekutuan Labuan

Oleh: Noritah binti Jamlin (noritah@jmm.gov.my)

Pada 6 April 2016, Muzium Labuan telah mengadakan satu pameran bergerak yang bertajuk Pameran Estetika Tembaga di sekolah yang terpilih, iaitu SM St. Anne, Wilayah Persekutuan Labuan. Pameran ini diadakan untuk memberikan informasi kepada para pelajar dan kakitangan sekolah tentang keunikan pembuatan dan kegunaan tembaga dalam aktiviti seharian masyarakat selain keunikan motif yang terdapat pada setiap tembaga yang mempunyai jalan ceritanya yang tersendiri. Di samping itu, Muzium Labuan turut menyediakan aktiviti sampingan seperti soalan kuiz yang berkaitan dengan



pameran tembaga untuk para pelajar. Pameran estetika tembaga ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak sekolah dan para pelajar. Pelaksanaan aktiviti pameran seumpama ini membuktikan kesungguhan Jabatan Muzium Malaysia melalui peranannya dalam mendedahkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. ❖







Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK  
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPAANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ENTOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA



MUZIUM MUZIK  
KUALA LUMPUR

MUZIUM KITA  
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255

Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>